

KENYATAAN AKHBAR
SETIAUSAHA EKSEKUTIF
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LEMBAGA)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
MENGENAI STATUS PENGELUARAN LESEN PERINGKAT
PENGENDALIAN SEMENTARA (TOL) LYNAS (M) SDN. BHD.

15 Mei 2012:

Pada 16 Feb 2012 YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah menerima rayuan dari tiga (3) perayu berhubung kelulusan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) ke atas Lesen Pengendalian Sementara (TOL) kepada Syarikat Lynas (M) Sdn Bhd. Sementara meneliti rayuan tersebut, YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengarahkan Lembaga supaya pengeluaran TOL kepada Syarikat Lynas (M) Sdn Bhd ditangguhkan, selaras dengan kuasa yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 11 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984. Sesi pembicaraan rayuan telah diadakan pada 17 April 2012 dan sehingga keputusan rayuan dimuktamadkan oleh YB Menteri, arahan penangguhan pengeluaran lesen TOL kepada Lynas terus berkuat kuasa.